

**DUA pelajar KPTM yang menerima anugerah Nadi Negara bergambar dengan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor.**

# KPTM berjaya lahirkan graduan berkualiti

KOLEJ Poly-Tech MARA (KPTM) menawarkan pelbagai program pengajian kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Antara program yang disediakan di KPTM seperti sains komputer, teknologi maklumat, perakaunan, pengurusan perniagaan serta kejuruteraan, selain kursus dalam bidang profesional seperti Association of Chartered and Certified Accountants (ACCA), ACCA Certified Accounting Technician (CAT) dan Institute of Chartered Secretaries and Administrators (ICSA).

Sehingga kini, lebih 34,000 graduan telah berjaya dihasilkan dan berjaya memenuhi kehendak pasaran di dalam dan luar negara.

Program yang disediakan di KPTM terdapat

dalam dua bentuk iaitu dijalankan secara sendiri oleh KPTM dan dilaksanakan secara kerjasama dengan institusi pendidikan tinggi tempatan dan luar negara.

Kesemua program tersebut melibatkan pelbagai peringkat seperti Sijil, Diploma, Ijazah dan Profesional yang dilaksanakan sejajar dengan keperluan pasaran semasa.

KPTM pada dahulunya dikenali sebagai Kolej Yayasan Pelajaran MARA (KYPM) yang ditubuhkan pada tahun 1983 dengan memperkenalkan program-program berkembang dengan universiti-universiti Amerika Syarikat.

Berlandaskan kepada konsep kolej komuniti Amerika Syarikat, KYPM pada ketika itu mengendalikan program *America Associate Degree (AAD)* yang merupakan program pengajian peringkat Ijazah Pertama (2+2) dengan konsep pemindahan kredit pengajian ke universiti di Amerika Syarikat, selepas penuntut berjaya menamatkan pengajian atas tahun pertama dan kedua di KYPM.

Pencapaian seumpama itu tidak berhenti di situ sahaja apabila KYPM memperluaskan lagi hubungan pendidikan strategiknya dengan negara-negara lain seperti United Kingdom pada tahun 1988, Australia (1992), Ireland (1994) dan Jepun (1995).

Bermula pada tahun 1997, KYPM terus melebarkan sayap dengan menjalin kerjasama dengan institusi pendidikan tinggi awam dan swasta negara seperti Universiti Teknologi MARA, Universiti Sains Malaysia (USM),

Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Multimedia Malaysia dan Pusat Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia.

Selain penumpuan kepada program pendidikan sepenuh masa, KYPM turut aktif dalam memasarkan pendidikan jarak jauh dengan kerjasama institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara.

Bertukar nama kepada KPTM bermula 1 September 2003, kolej itu kini mempunyai 16,000 pelajar di seluruh Malaysia melalui 60 kursus yang ditawarkan di sembilan cawangannya iaitu KPTM Kuala Lumpur, KPTM Kuantan,

KPTM Bangi, KPTM Kota Bharu, KPTM Alor Setar, KPTM Ipoh, KPTM Batu Pahat, KPTM Semporna dan KPTM Kesedarn Gua Musang, Kelantan.

Selaras dengan visi untuk menjadi peneraju pendidikan bertaraf dunia, KPTM berusaha memastikan kualiti pengajaran dan pembelajarannya adalah terbaik dan memenuhi kehendak pasaran.

Sehubungan itu, KPTM menyediakan kemudahan dan prasarana yang moden di samping persekitaran kampus yang kondusif kepada para pelajarnya selain mendedahkan mereka dengan ilmu keusahawanan termasuk penyediaan kemudahan kokurikulum.

Keseimbangan ini dititik beratkan bagi membentuk pelajar yang seimbang dalam pelbagai lapangan seterusnya menerajui pelbagai lapangan kerjaya.



KOLEJ POLY-TECH MARA